

TINDAK TUTUR PERBUALAN BERSAMA GOLONGAN BADWI DAN ANSAR: ANALISA STRATEGI KOMUNIKASI RASULULLAH. Oleh: Mohd Faizal Kasmani et.al. *Malaysian Journal of Communication*, 35(3) halaman 334-352.

Artikel jurnal berjudul “Tindak Tutur Perbualan Bersama Golongan Badwi dan Ansar: Analisa Strategi Komunikasi Rasulullah” ini telah diterbitkan dalam *Malaysian Journal of Communication*, vol.35, bilangan 3, dan halaman 334 hingga 352. Para pengkajinya terdiri daripada lima ahli akademik terkemuka dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Mohd Faizal Kasmani, seorang Profesor Madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan yang berpengalaman sebagai wartawan penyiaran; Nurul Asiah Fasehah Muhammad yang merupakan seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah; Rozita Abdullah juga seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dengan fokus kajian dalam pengajian audien; Nornajihan Jaafar, seorang Profesor Madya di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah yang berpengetahuan dalam penyelidikan tentang Pendidikan al-Quran bagi Orang Kurang Upaya; serta pengkaji terakhir iaitu Nor Zulaili Mohd Ghazali, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, dan tumpuan penyelidikan beliau adalah berkenaan isu semasa dalam hadis dan wanita dari perspektif Quran dan hadis. Dalam artikel ini, para pengkaji menganalisis strategi komunikasi Rasulullah ﷺ dalam bentuk tindak tutur perbualan dengan golongan Badwi dan Ansar.

Komunikasi dalam dakwah memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej Islam secara berkesan kepada khalayak sasaran dengan memastikan mesej tersebut difahami. Kajian ini menganalisis tindak tutur Rasulullah ﷺ terhadap golongan Badwi dan Ansar untuk mempengaruhi sikap dan tindakan mereka ke arah kebaikan. Pengkaji dalam menggunakan metodologi kajian kepustakaan, telah memilih hadis dari koleksi Sahih Bukhari sahaja sebagai sampel kajian. Daripada beberapa hadis yang telah di saring, pengkaji telah memilih lima hadis perbualan Rasulullah ﷺ dengan golongan Badwi dan enam hadis untuk perbualan dengan golongan Ansar. Terjemahan kepada bahasa Melayu daripada hadis-hadis tersebut digunakan sebagai asas untuk memahami tindak tutur ucapan Rasulullah ﷺ dan dalam menganalisis konteks perbualan, pengkaji telah merujuk kepada tafsiran dan penerangan hadis dari beberapa kitab hadis yang dianggap sahih seperti karya *Fath al-Bārī*. Struktur penulisan artikel ini menepati format penulisan akademik dimana pengkaji menyusun idea dengan cara yang menarik, teratur, dan sistematik, memudahkan pembaca dalam memahami idea dan maklumat yang ingin disampaikan.

Dapatan kajian melalui model Teori Tindak Tutur oleh John Searle, menunjukkan strategi komunikasi Rasulullah ﷺ yang berbeza bergantung kepada kefahaman Baginda ﷺ serta kesediaan dua golongan tersebut dalam menerima ajaran Islam, dan ini dipengaruhi oleh faktor sosiobudaya masing-masing. Strategi komunikasi yang efektif dalam dakwah Rasulullah ﷺ berjaya mengenal pasti khalayak sasarannya, menyebarkan mesej dakwah yang difahami, dan memenuhi keperluan mereka.

Pada era moden ini, masih terdapat kekurangan yang ketara di dalam penulisan komunikasi yang bersandarkan kepada perspektif Islam. Oleh itu, usaha yang dijalankan oleh lima pensyarah dari USIM dilihat sebagai satu langkah positif dalam memperkenalkan ilmu komunikasi Rasulullah ﷺ dalam berdakwah kepada khalayak sasaran dengan cara yang berkesan. Menurut Saifulazry Mokhtar et al. (2021), mereka menyatakan bahawa kajian daripada artikel-artikel terdahulu tidak tertumpu dalam bidang komunikasi Islam. Walau bagaimanapun terdapat beberapa buku yang membincangkan aspek komunikasi Islam. Satu

contoh buku yang diketengahkan oleh para penulis tersebut adalah "Etika Dialog dalam Islam," yang merupakan terjemahan dari sebuah buku Arab yang berjudul *Adābul Hiwār fi Islām*. Buku tersebut menekankan beberapa konsep tutur bicara yang sejajar dengan ajaran Islam, namun, buku tersebut tidak membahas secara terperinci model komunikasi yang tersirat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai tambahan, kami sebagai pengulas berpandangan terdapat sebuah buku yang berjudul "Komunikasi Pendekatan Islam" oleh Nor Saleha Mohd Salleh (2011) dari Open University Malaysia (OUM) yang membahas pelbagai aspek komunikasi berlandaskan Islam seperti komunikasi dengan Allah SWT, manusia, alam, komunikasi massa, multimedia, dan lain-lain, serta diselitkan dengan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah. Buku tersebut hanya digunakan sekadar buku teks sahaja di dalam pembelajaran subjek komunikasi tanpa kajian yang lebih mendalam untuk mengembang dan mengaplikasi model-model komunikasi Islam yang terkandung di dalam perbincangannya.

Struktur penulisan artikel ini sangat baik dan mengikuti format penulisan akademik iaitu mengandungi tiga komponen utama iaitu pendahuluan, badan karangan, dan penutup. Setiap perenggan mengandungi sekelompok ayat yang ditulis dengan jelas, penumpuan keseluruhan idea berfokus kepada tajuk, dan pembinaan ayat-ayat yang berkesinambungan. Pengkaji juga memberikan hujah-hujah yang mengandungi bukti seperti fakta, interpretasi, pengalaman, dan pendapat yang berautoriti. Struktur penulisan ini memudahkan pengulas untuk mengikuti aliran pemikiran dan idea pengkaji.

Metodologi pengkaji dalam menyediakan artikel ini menggunakan pendekatan kepustakaan di mana pengkaji menyaring koleksi hadis-hadis dari Sahih Bukhari sahaja tanpa melihat kepada teks-teks hadis yang lain seperti Sahih Muslim, Sunan Abu Daud dan lain-lain. Pengulas berpandangan penggunaan hadis dari koleksi Sahih Bukhari sebagai satu-satunya sumber kajian menimbulkan persoalan mengenai keluasan rangkuman analisisnya. Selain itu, walaupun terdapat perbincangan mengenai penggunaan terjemahan bahasa Melayu dari hadis, kesesuaian terjemahan tersebut mungkin perlu dipertimbangkan dengan lebih teliti. Justeru, kajian dapat ditingkatkan lagi dengan memperluaskan lingkup sumber rujukan dan mengambil kira pelbagai sudut pandangan untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai strategi komunikasi Rasulullah ﷺ dalam menyampaikan ajaran Islam kepada pelbagai golongan masyarakat.

Pengkaji menganalisis tuturan Rasulullah ﷺ dengan menggunakan "Model Tindak Tutur" yang dibangunkan pada tahun 1969 oleh John Searle, seorang ahli falsafah Amerika dari University of California, Berkeley. Teori ini menekankan penggunaan bahasa berlandaskan pada niat seseorang, dengan fokus diberikan kepada makna pembicaraan dan cara ia mempengaruhi seseorang untuk melakukan tugas tertentu. Pengulas berpandangan bahawa pengkaji sewajarnya menelusuri al-Quran dan al-Sunnah kerana di dalamnya telah termaktub terlebih dahulu prinsip-prinsip yang memberikan jawapan kepada persoalan bagaimana menyampaikan komunikasi yang efektif. Pengkaji boleh merujuk kepada prinsip-prinsip komunikasi di dalam al-Quran melalui penulisan Saifulazry Mokhtar et al. (2021) yang telah membahagikan komunikasi kepada komunikasi lisan dan bukan lisan dan Fadhlina Arief Wangsa et al. (2022) yang membahagikan prinsip-prinsip komunikasi melalui perspektif al-Sunnah kepada tiga iaitu kaedah dengan tangan, lisan, dan hati. Kedua-kedua kajian ini memberikan penerangan yang berharga dalam memahami prinsip-prinsip komunikasi Islam.

Prinsip-prinsip komunikasi lisan menurut al-Quran dan al-Sunnah dapat dihujahkan dalam beberapa aspek penting. Pertama, terdapat tiga prinsip utama iaitu *qaulān sadīdan* (perkataan

yang benar), *qaulān balīghān* (perkataan yang berkesan), dan *qaulān maysūran* (perkataan yang menyenangkan hati) seperti yang dinyatakan oleh A.Markarma (2014) serta Helmi dan Ilhaamie (2017). Selain itu, Nashrillah (2016) dan juga A.Markarma (2014) membincangkan kepentingan prinsip *qaulān karīman* (perkataan yang mulia), *qaulān lāyinān* (perkataan yang lemah-lembut), dan *qaulān ma'rūfan* (perkataan yang bermanfaat), sementara Maghfira Septi Arindita et al. (2022) menambah kepada dua lagi prinsip iaitu *qaulān syawīra* (perkataan setara atau adil) dan *qaulān al-zūr* (perkataan yang dilarang). Dalam konteks komunikasi bukan lisan, prinsip-prinsip ini tercermin dalam hadis riwayat Ibn Majah 2/43 yang menggambarkan sikap Rasulullah ﷺ saat berkhotbah, di mana ekspresi mata Baginda ﷺ menjadi merah, suaranya menggema dengan lantang, dan pergerakan badannya memperlihatkan semangat kebangkitan seperti seorang panglima perang yang memotivasi tentera mereka. Oleh itu, pengulas berpendapat adalah penting bagi pengkaji untuk memahami prinsip-prinsip ini kerana penekanannya kepada kepentingan komunikasi dua hala, jiwa yang bersih dalam berbicara untuk memerintahkan kebaikan, memahami situasi pendengar, dan menerapkan teknik berkesan dalam mempengaruhi pendengar.

Pendekatan pengkaji menggunakan Model Tindak Tutur membuktikan kajian ilmu komunikasi masih kuat dipengaruhi oleh teori-teori dari Barat. Penulisan oleh Abdul Basit (2016) menekankan pentingnya ahli-ahli akademik Islam menerapkan elemen-elemen Islam dalam kajian mereka. Proses ini dikenali sebagai Islamisasi ilmu, yang bermula pada abad ke-20, sebagai tindak balas terhadap ilmu dari Barat yang bersifat sekular. Penulis memberikan pandangan dari dua tokoh Islamisasi yang terkenal iaitu Ismail Raji al-Faruqi yang mengatakan Islamisasi ilmu adalah proses untuk menjadikan disiplin-disiplin ilmu sejajar dengan pandangan Islam. Abdul Basit (2016) turut menambah dengan pandangan dari Syed Muhammad Naquib al-Attas menyatakan bahawa Islamisasi ilmu adalah usaha untuk membebaskan manusia daripada tradisi-tradisi mitos, animistik, budaya nasional, dan pengaruh sekular yang menyekat pemikiran. Pengulas bersetuju dengan pandangan kedua-dua tokoh ini agar disiplin-disiplin ilmu yang sedia ada dibebaskan daripada pelbagai tradisi dan pemikiran yang tidak selaras dengan nilai-nilai Islam.

Kajian artikel yang hanya tertumpu kepada dua golongan sahaja iaitu Badwi dan Ansar merupakan satu langkah baik untuk memahami strategi komunikasi Rasulullah ﷺ dalam menyebarkan dakwah. Walau bagaimanapun untuk menjadikan kajian lebih komprehensif, pengulas mencadangkan agar kajian diperluaskan dengan menganalisis komunikasi Baginda ﷺ dengan para sahabat dan juga penganut bukan Islam. Kajian dalam aspek ini amat penting dan relevan pada hari ini kerana umat Islam telah meninggalkan adab-adab yang disarankan semasa berinteraksi dengan para ulama serta salah faham penganut bukan Islam terhadap Islam. Tutur bicara Rasulullah ﷺ dengan para sahabat harus dijadikan satu panduan berguna bukan sahaja kepada para ulama dan pendidik, malahan meliputi adab-adab seseorang dengan mereka yang berilmu. Elemen yang ditekankan di sini adalah bertutur dengan kata-kata yang lembut (*qaulān lāyinān*) sebagaimana hadis Riwayat Bukhari dari Anas bin Malik, Rasulullah ﷺ bersabda: *“Permudahkanlah dan jangan kalian menyulitkan dan gembirakanlah dan jangan kalian buat mereka lari”*, kata-kata yang memuatkan kejujuran serta mesej yang jelas (*qaulān sadīdan*), tidak mengandungi kesamaran dan dapat difahami maksudnya (*qaulān balīghān*) (Nurzatil & Noorhazwani, 2018). Sebagai perbandingan, strategi berdakwah kepada bukan Islam adalah mempromosikan kefahaman dan kebijaksanaan Rasulullah ﷺ dalam berinteraksi dengan pendengar bukan Islam merangkumi sikap menghormati, mengakui kebaikan, berlaku adil, menjaga hubungan yang baik, dan menolak membalas kejahatan dengan kejahatan (Nurhanisah & Siti Nurbaqis, 2023). Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa komunikasi yang

berkredibiliti dan cekap walaupun ditujukan kepada khalayak yang berbeza, namun ianya harus berlandaskan kepada prinsip-prinsip komunikasi Islam yang menekankan kata-kata yang baik, menghormati dan kefahaman kepada situasi khalayak.

Pengulas mendapati bahawa pengkaji tidak mengaitkan konsep pemikiran dengan komunikasi. Elemen pemikiran memainkan peranan penting dalam mencetuskan idea-idea baru, pengetahuan, dan mesej yang hendak disampaikan. Menurut Yuliana dan Rita Zahara (2023), jiwa seseorang menentukan kemahiran pemikiran dan sekaligus, komunikasinya. Jiwa komunikator yang suci akan menghasilkan pemikiran-pemikiran yang positif dan baik, sekaligus membentuk individu sebagai komunikator yang efektif. Beliau turut menambah, dalam mempengaruhi pendengar, adalah penting bagi komunikator menyedari bahawa pendengar memperhatikan siapa yang menyampaikannya. Hasil kajian mendapati proses memahami antara jiwa komunikator dan pendengar melibatkan empat tahap iaitu kesedaran diri yang menyentuh tentang keyakinan dan sikap, tahap kedua adalah pemahaman agama yang kuat, tahap ketiga adalah pemahaman pendengar iaitu rasa empati dan mampu memahami keperluan dari perspektif pendengar, dan tahap terakhir ialah penggunaan bahasa sesuai iaitu menyampaikan mesej-mesej Islam dengan bahasa yang mudah difahami. Tahap-tahap ini diguna pakai oleh Rasulullah ﷺ ketika berdakwah. Kajian oleh Nirwana Anas dan Sapri (2021) turut menambah dengan menyatakan jiwa yang baik meningkatkan kemahiran komunikasi yang akan menarik minat pendengar. Pengulas bersetuju dengan pendapat ini kerana kebersihan jiwa berperanan utama dalam komunikasi, seperti air yang jernih mengalir lancar dan memberikan impak positif.

Selain itu, pengkaji juga tidak melihat dari sudut impak komunikasi di dalam era teknologi masa kini. Walaupun masa berubah dengan kemajuan teknologi, manusia perlu memahami dan mengamalkan etika komunikasi Rasulullah ﷺ kerana tetap relevan. Karmila Sembiring et al. (2024) menyatakan era digital masa kini penuh dengan cabaran, maka, mengadaptasi komunikasi Rasulullah ﷺ dapat menjadi panduan bagi insan dalam berkomunikasi dengan baik dan efektif. Baginda ﷺ merupakan contoh teladan dalam berinteraksi dengan orang lain, baik dalam konteks peribadi mahupun sosial. Etika-etika komunikasi Rasulullah ﷺ yang disarankan adalah kesantunan, kejujuran, empati, dan komitmen dalam menyebarkan kebaikan. Ini jelas terbukti bahawa prinsip-prinsip komunikasi Islam yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah masih boleh diguna pakai dan seharusnya menjadi rujukan untuk membangunkan model komunikasi Islam.

Usaha yang dilakukan oleh lima pensyarah dari USIM dalam memperkenalkan strategi komunikasi Rasulullah ﷺ dalam berdakwah dilihat sebagai satu langkah positif dalam memperkenalkan komunikasi Islam yang efektif. Teori Tindak Tutur yang digunakan oleh pengkaji amat membantu kepada pemahaman penggunaan gaya dan strategi komunikasi Rasulullah ﷺ. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menggunakan Model Tindak Tutur oleh John Searle yang dilihat tidak holistik dalam menganalisis komunikasi Rasulullah ﷺ. Pengkaji tidak menggunakan kesempatan memahami dan mengkaji prinsip-prinsip komunikasi Islam didalam al-Quran dan al-Sunnah yang didapati lebih terhadap dan merangkumi setiap aspek komunikasi.

RUJUKAN

- A.Markarma (2014), Komunikasi Dakwah Efektif dalam Pespektif Al Quran. *Jurnal Studia Islamika*, 11(1), 127-151.
- Abdul Basit (2016). Konstruksi Ilmu Komunikasi Islam. *Jurnal Penelitian Agama*, 17(1), 73–95.
- Fadhlina Arief Wangsa, I Gusti Bagus Agung Perdana Rayyn, dan Al-Fiana Mahar (2022). Karakteristik Komunikasi Nabi Muhammad SAW. (Analisis Terhadap Hadis Metode Dakwah). *Jurnal Ushuluddin*, 24 (2), 201-211.
- Helmi Akhtar dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2017). Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3), 531-562.
- Karmila Br Sembiring, Yasinta Theresya Claudia Malau, dan Safinatul Hasanah Harahap (2024). Inovasi Pemikiran: Meningkatkan Kemampuan Berbicara dan Menulis di Era Digital. *Indonesian Journal of Education and Development Research*, 2(1), 432-444.
- Maghfira Septi Arindita, Meila Asfi Raykhani, Naufal Ra'uf, Rulyn Ardianoor, dan Yayat Suharyat (2022). Prinsip Dasar Ilmu Komunikasi Islam. *Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya (Religion)*, 1(5), 12-25.
- Nashrillah MG (2016). Perbandingan Teori Komunikasi Islam dan Barat. *Jurnal Warta*, Edisi 48, 188-202.
- Nirwana Anas dan Sapri (2021). Komunikasi antara Kognitif dan Kemampuan Berbahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia*, 1(1), 1-21.
- Nor Saleha Mohd Salleh (2011). *Komunikasi Pendekatan Islam* (1st ed.). Open University Malaysia.
- Nurhanisah Senin dan Siti Nurbalqis Baharuddin (2023). Qudwah Nabawiyyah dalam Interaksi dengan Bukan Muslim. *Journal Hadis*, 13(26), 86-95.
- Nurzatil Ismah Azizan dan Noorhazwani Abdul Rahman (2018). Komunikasi Lisan Rasulullah S.A.W dengan Para Sahabat: Kajian Terhadap Pengamalan Komunikasi dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith 2018 (THIQAH 2018)*, ILIM Bangi, Selangor, 122-127.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, dan Siti Aida Lukin @ Lokin (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23), 140-156.
- Yuliana Restiviani dan Rita Zahara (2023). Proses Pembentukan Saling Pengertian pada Jiwa Komunikator dalam Komunikasi Islam. *Journal of Islamic Studies*, 1(1), 37-52.

Kamal Shamsul Che Mohd Kassim
Abdul Mu'iz Bin Ghazali
Muhamad Haikal Bin Mohd Radzi
Muhammad Afiq Aiman Bin Ahmad Rozaidi
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam
 Universiti Islam Selangor